

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD** minta **MENTERI KESIHATAN** menjelaskan mengapa listing kematian yang dahulunya diberi melalui sesawang KP Kesihatan secara line-listing kini tidak diberikan? Ini termasuk angka umur mereka dan komorbid yang mereka ada secara individu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Setiap kes kematian dahulu pernah dikongsi melalui Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan bahayanya COVID-19 yang boleh membawa maut. Pada awalnya, kes kematian diperincikan setiap satu termasuk nombor kes kematian, kewarganegaraan, umur, latar belakang penyakit, gejala yang dialami daripada awal sakit sehingga merosot dan seterusnya meninggal dunia, tempat kematian serta tarikh dan jam kematian. Semua informasi ini disampaikan dalam bentuk naratif. Kes kematian yang dilaporkan pada ketika itu adalah satu (1) angka sahaja setiap hari iaitu sekitar satu (1) atau dua (2) kes.

## SOALAN NO : 25

2. Pada gelombang kedua, kes kematian harian semakin meningkat dan pelaporan diringkaskan dalam bentuk senarai (jadual) yang mengandungi nombor kes kematian, negeri, jantina, umur, tempat kematian dan latar belakang penyakit bagi setiap kes. Ini bagi membolehkan kenyataan akhbar dapat dihantar tepat pada waktunya setiap hari bermula bulan November 2020. Sejak bermula pandemik pada Februari 2021 sehingga 31 Disember 2020, jumlah kes kematian adalah 471 kes.

3. Bermula gelombang ketiga, kes kematian meningkat secara berterusan yang mana pelaporan dalam bentuk jadual bagi perincian setiap kes kematian menjadi terlalu panjang, dan kemudian dijadikan dalam bentuk jadual yang lebih ringkas lagi. Informasi seperti bilangan kes kematian, jantina, kewarganegaraan, jumlah kematian di hospital dan (*Brought - In Dead* - BID) serta jumlah kes dengan latar belakang penyakit mengikut negeri masih diberikan dalam jadual tersebut. Penukaran bentuk jadual yang lebih ringkas ini bagi membolehkan kenyataan media dapat diterbitkan tepat pada waktunya setiap hari.

4. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini telah menyediakan data rasmi mengenai pandemik COVID-19 termasuk data kematian kepada umum melalui GitHub yang boleh diakses di <https://github.com/MoH-Malaysia/covid19-public>.

5. Dalam masa terdekat, KKM akan berkongsi data terperinci kes COVID-19 tanpa identiti (nama, nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon). Dengan perkongsian data granular ini, KKM berharap ia akan meningkatkan kebolehlaksanaan analisis semua pihak yang berkepentingan dan dapat menggunakan maklumat ini secara bijaksana bagi mencegah penularan jangkitan COVID-19 di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**TARIKH : 7.10.2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan perancangan penubuhan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli bagi tujuan meningkatkan pembangunan sosio ekonomi mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli akan ditambahbaik kepada Dasar Pembangunan Orang Asli bagi menggantikan Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961. Penyediaan Dasar Pembangunan Orang Asli ini melibatkan 3 Fasa.

Fasa pertama adalah pengumpulan maklumat dan sesi libat urus bersama kumpulan sasar dan agensi berkaitan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020, antaranya adalah Konvensyen Orang Asli Kebangsaan. Fasa kedua adalah melibatkan penulisan draf dokumen, sesi libat urus bersama kumpulan sasar dan agensi berkaitan akan draf dokumen tersebut.

Fasa ketiga adalah penyediaan draf akhir dokumen Dasar Pembangunan Orang Asli bagi kelulusan Kabinet. JAKOA mensasarkan draf akhir ini dapat disediakan pada suku pertama tahun 2022.

Sekian, terima kasih.